

IBADAH KORBAN BANTU PENTERNAK TEMPATAN

Oleh Muhammad Ali bin Sariff, 1172443,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 28 July 2020

Krisis ekonomi yang tercetus akibat pandemik COVID-19 mengakibatkan penurunan sebanyak 40 peratus terhadap permintaan lembu untuk ibadah korban tahun ini tahun ini berbanding tahun lepas.

Keluhan penternak lembu kecil-kecilan kedengaran berikutan kemerosotan permintaan terhadap haiwan itu menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha tidak berapa lama lagi.

Bagi umat Islam yang berkemampuan untuk melakukan ibadah korban tahun ini, mereka seharusnya menyokong penternak tempatan yang sedang menghadapi kesulitan dalam penjualan lembu-lembu mereka.

Umum mengetahui bahawa sebahagian penternak hanya meraih keuntungan setahun sekali sahaja iaitu melalui penjualan lembu mereka pada musim Hari Raya Aidiladha.

Dengan cara ini, kita bukan sahaja dapat menguntungkan para penternak yang hanya bergantung pada rezeki penjualan lembu untuk musim Hari Raya Aidiladha, malah kita juga dapat membantu meringankan beban para fakir dan miskin di negara ini.

Lebih-lebih lagi, kebanyakan mereka menerima kesan krisis ekonomi akibat pandemik COVID-19 dan sebahagian daripada mereka juga telah dibuang kerja. Pengagihan daging korban dapat meringankan serba sedikit beban yang ditanggung mereka.

Umat Islam diseru untuk menjalankan ibadah korban sebagai ibadah tahunan bagi sesiapa yang berkemampuan. Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi ibadah korban pada tahun ini.

Sebaik-baiknya, ibadah korban dilakukan di negara sendiri memandangkan masih ada golongan fakir miskin yang memerlukan bantuan di sini.

Jumlah mereka dipercayai meningkat berikutan situasi ekonomi yang tidak berapa menentu sehingga menyebabkan ramai yang hilang pekerjaan.

Maka, kemurahan hati kita melakukan ibadah korban di negara sendiri bukan sahaja membantu para penternak tempatan, malah mampu menceriakan golongan fakir miskin yang hidup dalam kesempitan.

Mungkin ada yang tidak begitu terjejas dengan situasi COVID-19 kerana masih mempunyai pekerjaan tetap atau perniagaan mereka dibenarkan beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sekiranya berkemampuan, ambillah peluang untuk mengumpul pahala dan menabur bakti kepada golongan kurang bernasib baik dengan membeli haiwan-haiwan korban daripada para penternak tempatan.

Penternak juga beroleh pendapatan yang diperlukan untuk menampung kehidupan mereka dan keluarga. Secara tidak langsung, ekonomi negara akan pulih dengan lebih pantas apabila hasil jualan lembu korban itu digunakan untuk berbelanja.

